



INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



CABARAN INSTITUSI KELUARGA MUSLIM DALAM ERA GLOBALISASI: FENOMENA PERKAHWINAN LAVENDER DAN ANALISIS MAQASID SYARIAH

*THE CHALLENGE OF THE MUSLIM FAMILY INSTITUTION IN THE ERA
OF GLOBALISATION: THE PHENOMENON OF LAVENDER MARRIAGE
AND AN ANALYSIS THROUGH MAQASID SYARIAH*

Najwa Abd Ghafar^{1*}

¹Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Malaysia

 najwa.ag@ikim.gov.my



<https://orcid.org/0009-0002-7731-6401>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2026

Revised date: 13.07.2026

Accepted date: 23.08.2026

Published date: 14.09.2026

To cite this document:

Ghafar, N. A. (2026). Cabaran Institusi Keluarga Muslim Dalam Era Globalisasi: Fenomena Perkahwinan Lavender Dan Analisis Maqasid Syariah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(45), 98-110.

Abstrak:

Fenomena perkahwinan lavender iaitu perkahwinan lelaki dan wanita di mana salah seorang atau kedua-duanya mempunyai orientasi seksual yang berbeza dan berlaku untuk menutup orientasi seksual mereka yang sebenar, semakin mendapat perhatian dalam perbincangan sosial dan perundangan di Malaysia. Ia telah menimbulkan persoalan terhadap kesejahteraan, hak, dan perlindungan dalam institusi kekeluargaan Islam. Kajian ini bertujuan menganalisis fenomena tersebut melalui kerangka Maqasid Syariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan agama (hifz al-din), jiwa (hifz al-nafs), akal (hifz al-'aql), keturunan (hifz al-nasl), dan harta (hifz al-mal). Menggunakan pendekatan analisis dokumentasi dan kajian literatur terhadap data-data daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), dan kajian akademik tempatan, kajian ini mendapati bahawa: (1) tiada statistik rasmi khusus tentang perceraian berasaskan orientasi seksual suami, walaupun beberapa laporan professional dan media menunjukkan bahawa isu ini telah mendapat perhatian dalam amalan guaman syariah; (2) sebanyak 64 peratus daripada 3,185 jangkitan HIV baharu pada 2024 berpunca daripada hubungan homoseksual/biseksual dalam kalangan lelaki; dan (3) isteri merupakan mangsa utama yang terkesan kerana terdedah kepada risiko jangkitan penyakit kelamin termasuk HIV dan sifilis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa fenomena ini menimbulkan implikasi terhadap kelima-lima dimensi Maqasid Syariah, khususnya pemeliharaan jiwa, keturunan dan harta.

DOI: 10.35631/IJLGC.1145007 **Kata Kunci:**

Globalisasi, HIV/AIDS, Keluarga Islam, Maqasid Syariah, MSM, Orientasi Seksual, Perceraian, Perkahwinan Lavender

Abstract:

The phenomenon of lavender marriage, referring to a marriage between a man and a woman in which one or both partners have a differing sexual orientation and enter into the marriage as a means of concealing their actual sexual orientation, has increasingly attracted attention in social and legal discussions in Malaysia. The phenomenon has raised concerns regarding the well-being, rights, and protection of individuals within the Islamic family institution. This study aims to analyse the phenomenon through the framework of Maqasid Syariah, particularly with regard to the preservation of religion (hifz al-din), life (hifz al-nafs), intellect (hifz al-'aql), lineage (hifz al-nasl), and wealth (hifz al-mal). Employing documentary analysis and a literature review of data obtained from the Ministry of Health Malaysia (MOH), the Department of Statistics Malaysia (DOSM), and local academic studies, this study finds that: (1) there are no specific official statistics on divorce based on a husband's sexual orientation, although several professional and media reports indicate that the issue has received attention in syariah legal practice; (2) 64 percent of the 3,185 new HIV infections recorded in 2024 were attributed to homosexual/bisexual relations among men; and (3) wives constitute the primary group affected, as they may be exposed to the risk of sexually transmitted infections, including HIV and syphilis. The findings indicate that this phenomenon has implications for all five dimensions of Maqasid Syariah, particularly the preservation of life, lineage, and wealth.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexcllence.com

Keyword:

Globalization, HIV/AIDS, Islamic Family, Maqasid Syariah, MSM, Sexual Orientation, Divorce, Lavender Marriage

Pendahuluan

Institusi perkahwinan dalam Islam merupakan asas pembinaan keluarga yang mesti bertunjangan nilai syariah. Ia bukan sekadar kontrak sosial, malah merupakan ibadah yang mempunyai tujuan mulia dalam memelihara kesinambungan keturunan manusia, menjamin keselamatan jiwa, dan memperkukuh keseimbangan masyarakat. Namun demikian, mutakhir ini menyaksikan satu fenomena yang mencemarkan dan menggugat institusi perkahwinan dan kekeluargaan Muslim di Malaysia iaitu perkahwinan lavender (lavender marriage).

Perkahwinan lavender ialah perkahwinan di antara lelaki dan wanita di mana salah seorang atau kedua-duanya mempunyai orientasi seksual yang berbeza dan berlaku kerana tekanan sosial atau bertujuan untuk menutup orientasi seksual mereka yang sebenar. Fenomena ini berlaku sama ada kerana wanita tidak mengetahui orientasi sebenar suaminya, ataupun menyetujuinya walaupun telah mengetahui keadaan sebenar lelaki tersebut. Perkahwinan diteruskan kerana tekanan sosial seperti desakan keluarga. Bagi si lelaki pula, walaupun

kebiasaannya tidak mempunyai keinginan untuk berkahwin dengan seorang perempuan, tetapi meneruskan perkahwinan kerana desakan keluarga atau mempunyai kepentingan sosial yang lain (Nadzirah, 2025; Syuhada, 2025). Dalam masyarakat Melayu-Muslim di Malaysia, di mana homoseksualiti dilarang di bawah undang-undang sivil mahupun syariah, identiti ini sering disembunyikan dan perkahwinan dijadikan sebagai cara untuk menutup tabiat dan kecenderungan yang songsang ini.

Apa yang menjadikan fenomena ini lebih kritikal ialah implikasinya terhadap kesihatan dan keselamatan isteri. Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan bahawa 64 peratus daripada 3,185 jangkitan HIV baharu pada tahun 2024 berpunca daripada hubungan homoseksual dan biseksual (Mohd Khuzairi, 2025). Isteri berpotensi terdedah kepada jangkitan penyakit kelamin yang berbahaya, khususnya apabila orientasi atau tingkah laku seksual pasangan tidak diketahui sebelum atau sepanjang perkahwinan.

Kertas kajian ini bertujuan untuk: (1) mengkaji fenomena perkahwinan lavender di Malaysia berdasarkan data empirikal; (2) menganalisis implikasi kesihatan terhadap isteri; dan (3) menilai fenomena tersebut melalui kerangka Maqasid Syariah bagi mencadangkan pendekatan penyelesaian yang holistik.

Sorotan Literatur

Terdapat tiga perkara utama yang mendasari kertas kajian ini, iaitu definisi dan konteks perkahwinan lavender dalam masyarakat Malaysia, kerangka Maqasid Syariah sebagai lensa analisis, serta dapatan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan fenomena perkahwinan campuran orientasi serta implikasi kesihatannya.

Konsep Perkahwinan Lavender

Perkahwinan lavender merujuk kepada perkahwinan yang melibatkan pasangan yang salah seorangnya mempunyai orientasi gay atau biseksual, manakala pasangan yang satu lagi adalah heteroseksual. Dalam konteks kajian ini, tumpuan diberikan kepada kes di mana suami mempunyai orientasi homoseksual atau biseksual. Kajian bertajuk *Mixed-Orientation Marriages: An Analysis on Heterosexual Wife Legal Redress in Malaysia* mendapati bahawa amat sukar mendapatkan data statistik perkahwinan jenis ini di Malaysia kerana ia tersembunyi di sebalik perkahwinan biasa, memandangkan homoseksualiti adalah haram di sisi undang-undang Malaysia (Hanis Nabihah et al., 2018).

Kajian oleh Zulkffli dan Rashid (2022) mendapati bahawa dalam masyarakat Islam Malaysia, stigma terhadap homoseksualiti menyebabkan ramai lelaki yang mengalami kecelaruan orientasi seksual berkahwin bukan atas dasar cinta atau tarikan romantik, tetapi semata-mata untuk memenuhi tuntutan norma heteroseksual keluarga dan masyarakat. Tekanan untuk “menjadi normal” dan memenuhi harapan keluarga ini menjadi pendorong utama kepada berlakunya perkahwinan yang tidak telus dan jujur. Kajian oleh Mohd Rafizey et al. (2023) yang menggunakan pendekatan fenomenologi melibatkan 15 lelaki biseksual yang berkahwin dengan wanita heteroseksual di Malaysia mendapati bahawa tekanan masyarakat, ketakutan terhadap perceraian, dan reputasi keluarga merupakan faktor utama yang mendorong mereka menyembunyikan orientasi seksual.

Menurut seorang pakar perubatan kesihatan awam, Dr. Aishah Abas, fenomena perkahwinan lavender di Malaysia muncul dalam dua bentuk: pertama, wanita yang berkahwin tanpa mengetahui bahawa suami mempunyai orientasi seksual yang berbeza; dan kedua, wanita yang sedar tentang orientasi suami sejak awal tetapi tetap meneruskan perkahwinan atas pelbagai faktor termasuk tekanan sosial, kewangan, atau emosi. Beliau turut menegaskan bahawa individu yang terlibat berkahwin bukan atas dasar cinta atau tarikan romantik, sebaliknya didorong oleh desakan keluarga atau kepentingan sosial semata-mata (Zaiton, 2025).

Kerangka Maqasid Syariah

Maqasid Syariah merupakan objektif dan matlamat utama yang ingin dicapai oleh syariat Islam dalam setiap hukumnya. Al-Ghazali (1993) dalam karyanya *al-Mustasfa min 'Ilmi Usul* telah merangka lima keperluan asasi yang menjadi teras Maqasid Syariah, iaitu: (1) *Hifz al-Din* – memelihara agama; (2) *Hifz al-Nafs* – memelihara jiwa; (3) *Hifz al-'Aql* – memelihara akal; (4) *Hifz al-Nasl* – memelihara keturunan; dan (5) *Hifz al-Mal* – memelihara harta. Ibnu 'Asyur (2001) dalam karyanya *Maqasid Syari'ah al-Islamiyyah* turut menegaskan bahawa perkahwinan adalah instrumen utama dalam memelihara keturunan dan kestabilan masyarakat. Dalam konteks fenomena perkahwinan lavender, kesemua lima teras Maqasid Syariah terjejas secara langsung mahupun tidak langsung. Perilaku biseksual atau homoseksual yang tersembunyi dalam institusi perkahwinan bukan sahaja merosakkan tujuan perkahwinan itu sendiri, malah mengancam keselamatan jiwa dan jasmani isteri, menjejaskan pemikiran dan emosi ahli keluarga, serta mengancam kesinambungan keturunan yang sihat dan sah.

Kajian-kajian Terdahulu

Kajian bertajuk *The Interplay of Infidelity, Sexuality, and Religiosity in the Discourse of Mixed-Orientation Marriages* yang diterbitkan dalam *Frontiers in Psychology* oleh Zulkffli et al. (2022) merupakan satu kajian isu ini dalam konteks Malaysia. Menggunakan pendekatan Psikologi Diskursif, kajian ini melibatkan dua peserta lelaki Muslim yang mengenal pasti diri mereka sebagai gay dan telah berkahwin dengan wanita. Kajian mendapati bahawa suami dalam perkahwinan bercampur orientasi di Malaysia sering menggunakan agama dan ugutan hak penjagaan anak sebagai mekanisme kawalan terhadap isteri yang ingin bercerai.

Kajian oleh Mohd Rafizy et al. (2023) pula merupakan kajian pertama di Malaysia yang secara khusus mengkaji cabaran yang dihadapi oleh suami biseksual dalam mengekalkan perkahwinan mereka. Dapatan menunjukkan bahawa pandangan masyarakat Melayu-Islam bahawa hubungan yang normal adalah antara lelaki dan perempuan sahaja (heteronormatif) telah memberikan tekanan yang amat besar ke atas individu berkenaan untuk meneruskan keputra-putra dalam perkahwinan heteroseksual.

Dari sudut kesihatan awam, kajian oleh Abdul Hafiz et al. (2024) di Universiti Malaya mendapati bahawa majoriti pesakit sifilis yang mendapatkan rawatan di klinik penjagaan primer adalah positif HIV dan daripada populasi MSM (men who have sex with men). Kajian ini menyokong keperluan mendesak untuk intervensi kesihatan yang menyasar populasi berisiko tinggi ini.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumentasi dan kajian literatur. Data dikumpulkan daripada tiga sumber utama.

- 1) Sumber Statistik Rasmi: Laporan Pemantauan AIDS Global 2024 (KKM), Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2024 (DOSM), dan data National AIDS Registry (NAR).
- 2) Sumber Akademik: Artikel jurnal dari pangkalan data Scopus, MyCite, ResearchGate, dan PubMed yang berkaitan dengan perkahwinan campuran orientasi, HIV/MSM di Malaysia, dan analisis syariah tentang perkahwinan dan keluarga.
- 3) Sumber Pakar dan Media: Kenyataan rasmi pakar perubatan, peguam syarie, dan laporan media bertarih yang menyentuh fenomena ini dalam konteks Malaysia.

Data dianalisis menggunakan kerangka Maqasid Syariah sebagai lensa analisis utama, dengan triangulasi sumber data bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan. Kajian ini beroperasi dalam lingkungan etika penyelidikan sosial, di mana tiada identiti individu yang didedahkan.

Dapatan: Gambaran Semasa Tentang Perkahwinan Lavender Di Malaysia

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian semasa fenomena perkahwinan lavender di Malaysia.

Ketiadaan Statistik Rasmi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada statistik rasmi khusus yang merekodkan perceraian di Malaysia berdasarkan alasan orientasi seksual suami. Hal ini disebabkan oleh tiga faktor utama: (1) homoseksualiti adalah kesalahan jenayah di bawah Seksyen 377 Kanun Keseksaan dan undang-undang syariah negeri, dan ini menyebabkan pelaku dan pengamal sedaya-upaya menyembunyikan penglibatan mereka; (2) stigma sosial yang mendorong kes-kes diselesaikan secara peribadi tanpa mendedahkan alasan sebenar; dan (3) kesukaran mendapatkan bukti yang konkrit (Hanis Nabihah et al., 2018; Syuhada, 2025).

Secara keseluruhannya, DOSM merekodkan 60,457 kes perceraian pada tahun 2024, meningkat 4.1 peratus berbanding 58,095 kes pada 2023, dengan purata 165 pasangan bercerai setiap hari (DOSM, 2024). Perceraian Islam merangkumi majoriti besar dengan 47,577 kes. Walau bagaimanapun, tiada pemecahan mengikut alasan orientasi seksual dalam rekod rasmi. Namun demikian, Syuhada (2025), peguam syarie yang mengendalikan kes di Terengganu, melaporkan peningkatan kes yang melibatkan suami dengan orientasi songsang sebagai satu realiti yang berkembang di mahkamah.

Dua Bentuk Utama Perkahwinan Lavender

Berdasarkan analisis literatur dan laporan pakar, perkahwinan lavender di Malaysia berlaku dalam dua senario utama. Pertama, isteri yang berkahwin tanpa mengetahui orientasi sebenar suami, menjadikan wanita tersebut mangsa tanpa pilihan sejak awal. Kedua, isteri yang sedar tentang orientasi suami sejak awal tetapi tetap meneruskan perkahwinan atas pelbagai tekanan, termasuk desakan keluarga, kebimbangan stigma sosial, atau faktor kewangan (Zaiton, 2025).

Kajian Mohd Rafizey et al. (2023) mendapati bahawa tekanan masyarakat, ketakutan terhadap perceraian, dan reputasi keluarga adalah faktor utama mengapa suami berkenaan menyembunyikan orientasi seksual mereka.

Antara pola tingkah laku yang dilaporkan oleh peguam syarie sebagai petanda amaran kepada isteri termasuk: penolakan hubungan intim secara berulang tanpa sebab munasabah; keintiman emosional yang luar biasa dengan rakan lelaki; dan penggunaan akaun atau aplikasi rahsia untuk berhubung dengan lelaki (Syuhada, 2025). Pakar Perunding Perubatan Keluarga, Dr. Sakinah, mengingatkan bahawa HIV biasanya tidak menunjukkan sebarang simptom sehingga 10 tahun pertama, menjadikan isteri tidak sedar bahawa dirinya mungkin telah dijangkiti oleh suami yang membawa virus (Hidayah, 2025).

Impak Kesihatan: Data Epidemiologi

HIV/AIDS Dalam Kalangan MSM Di Malaysia

Data KKM menunjukkan gambaran yang amat membimbangkan. Berdasarkan unjuran Asian Epidemic Modelling, Laporan Pemantauan AIDS Global 2024 mendapati bahawa 90 peratus daripada lebih 85,000 penghidap HIV di Malaysia adalah lelaki, dengan MSM dikenal pasti sebagai kumpulan yang akan menjadi populasi utama menjelang tahun 2030 (KKM, 2024). Peningkatan berterusan ini bukan sekadar kesan peningkatan saringan. Pakar Perubatan Am dan Penyakit Berjangkit, Hospital Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Alwi Muhd Besari @ Hashim mengesahkan bahawa hampir 95 peratus jangkitan HIV kini berpunca daripada aktiviti seks berisiko iaitu homoseksual antara lelaki dengan lelaki dan heteroseksual dengan pertukaran pasangan, berbanding era awal di mana 70–80 peratus berpunca dari jarum suntikan dadah (Mohd Hafiz, 2023).

Dari aspek demografi, golongan yang paling terjejas ialah belia berumur 20–29 tahun (44 peratus) dan golongan 30–39 tahun (31 peratus) (KKM, 2024). Ini bertepatan dengan laporan Dr. Aishah yang menyebut bahawa ramai dalam lingkungan usia 20–39 tahun dan golongan profesional terjebak dalam perkahwinan lavender (Zaiton, 2025). Yang lebih membimbangkan, 68 peratus daripada pesakit HIV pada 2023 didiagnosis lewat, menandakan ramai yang tidak sedar tentang status jangkitan mereka (KKM, 2024). Jadual 1 menunjukkan trend peningkatan peratusan jangkitan HIV baharu dalam kalangan MSM dari 2017 hingga 2024.

Jadual 1 Trend Peratusan Jangkitan Hiv Baharu Berkaitan Msm Di Malaysia (2017–2024)

Tahun	% Jangkitan MSM	Kes HIV Baharu (Anggaran)	Sumber
2017	~54% (lelaki Melayu)	~3,300	KKM (2017)
2018	57%	~3,200	KKM (2018)
2021–2022	68%	3,177	Wartawan TMT (2022); KKM (2023)
2023	62%	3,185	KKM (2024)

2024	64%	3,185	Mohd Khuzairi (2025)
------	-----	-------	----------------------

Sumber. Disusun daripada pelbagai laporan KKM (2017–2025) dan The Merdeka Times (2022).

Penyakit Kelamin Lain: Sifilis Dan Gonorrhea

Selain HIV, sifilis merupakan ancaman serius yang turut melibatkan kalangan MSM di Malaysia. Data KKM menunjukkan peningkatan kes sifilis lebih 600 peratus dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, dengan 4,669 kes dilaporkan pada 2022. Abdul Hafiz et al. (2024) mendapati bahawa majoriti pesakit sifilis yang mendapatkan rawatan di klinik penjagaan primer adalah positif HIV dan daripada populasi MSM.

Pada tahun 2023, Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa melaporkan di Dewan Negara bahawa sebanyak 1,819 kes gonorrhea direkodkan pada 2022, dengan 22.4 peratus atau 408 kes melibatkan remaja bawah 21 tahun, menandakan bahawa jangkitan berlaku pada usia yang amat muda (CodeBlue, 2023). Garis Panduan Rawatan KKM (2023) mengesahkan bahawa proktitis dan discanj dubur adalah penyakit biasa terutamanya dalam populasi MSM, menggambarkan corak hubungan yang menambahkan risiko penyebaran penyakit kepada pasangan wanita.

Impak Ke Atas Isteri Dan Bayi

Isteri dalam perkahwinan lavender merupakan kelompok yang paling terdedah kepada risiko jangkitan penyakit kelamin. Statistik menunjukkan bahawa wanita mewakili 10 peratus (lebih kurang 8,500 orang) daripada keseluruhan penghidap HIV di Malaysia (KKM, 2023). Sebahagian besar daripada jangkitan heteroseksual, iaitu 33 peratus daripada keseluruhan kes HIV 2023, berlaku melalui suami yang terlibat dalam tingkah laku berisiko secara sulit (KKM, 2024).

Mantan Presiden Majlis AIDS Malaysia, Tan Sri Zaman Khan, pernah menegaskan bahawa wanita berisiko dijangkiti HIV bukan disebabkan kecuaian sendiri, sebaliknya menerusi hubungan kelamin tidak selamat bersama suami yang berisiko. Beliau kesal akan nasib wanita terutama suri rumah di kawasan luar bandar yang menjadi mangsa, dengan kesan turut dirasai oleh anak-anak (seperti yang dilaporkan dalam Musa Awang, n.d.).

Dari aspek kesan psikologi, kajian Zulkffli et al. (2022) mendapati bahawa isteri dalam perkahwinan campuran orientasi di Malaysia sering dipersalahkan atas homoseksualiti suami oleh masyarakat sekeliling. Suami juga kerap menggunakan ugutan hak penjagaan anak bagi menghalang isteri daripada memohon cerai, mewujudkan kerangkap psikologi yang teruk.

Risiko kepada bayi turut perlu dititikberatkan. Sifilis boleh ditularkan kepada bayi dalam kandungan dengan kadar risiko antara 69–80 peratus jika ibu tidak dirawat (KKM, 2021). Walaupun risiko transmisi HIV ibu-ke-anak telah diturunkan kepada 1.8 peratus melalui program PMTCT (Prevention of Mother-to-Child Transmission), risiko ini kekal nyata sekiranya jangkitan pada ibu tidak dikesan awal kerana suami menyembunyikan tingkah laku berisiko. Dr. Sakinah juga memperingatkan bahawa isteri yang mengandung adalah yang paling terdedah kepada bahaya ini.

Analisis Maqasid Syariah

Bahagian ini menganalisis fenomena perkahwinan lavender melalui kelima-lima teras Maqasid Syariah bagi menilai sejauh mana fenomena ini melanggar objektif utama syariat Islam dalam konteks institusi perkahwinan dan kekeluargaan.

Hifz Al-Din (Memelihara Agama)

Perkahwinan lavender secara dasarnya merupakan penipuan dalam akad nikah. Apabila seorang lelaki berkahwin dengan wanita sedangkan menyembunyikan orientasi homoseksualnya, dia telah melanggar prinsip kejujuran (amanah) yang menjadi asas kontrak yang sah. Dari perspektif fiqh, majoriti fuqaha menegaskan bahawa penyembunyian aib atau kondisi yang menjejaskan hak pasangan boleh menjadi asas pembatalan perkahwinan (fasakh). Hubungan homoseksual yang berterusan di luar nikah (liwat) pula adalah salah satu dosa besar (kaba'ir) yang secara langsung merosakkan dimensi agama individu dan keluarga (Al-Ghazali, 1993).

Hifz Al-Nafs (Memelihara Jiwa)

Ancaman paling nyata ialah ancaman terhadap keselamatan jiwa isteri. Data empirikal kajian ini dengan jelas menunjukkan bahawa suami yang mempunyai pasangan sesama jantina secara sulit berpotensi menyebarkan HIV dan penyakit kelamin merbahaya kepada isteri. Dengan kadar 64 peratus jangkitan HIV baharu di Malaysia berpunca dari hubungan homoseksual dan biseksual (KKM, 2024), dan 33 peratus jangkitan disebarkan melalui hubungan heteroseksual (KKM, 2024), risiko penyebaran dalam perkahwinan lavender adalah nyata dan serius.

Dalam skop yang lebih luas, ancaman terhadap jiwa turut merangkumi dimensi psikologi. Kajian Zulkffli et al. (2022) mendapati bahawa isteri yang mengetahui atau mengesyaki orientasi suami mengalami tekanan psikologi yang teruk, kebingungan identiti, dan trauma emosional yang berpanjangan, diburukkan lagi oleh stigma masyarakat yang cenderung menyalahkan isteri.

Hifz Al-'Aql (Memelihara Akal)

Perkahwinan lavender menimbulkan kekacauan kognitif dan psikologi yang mendalam kepada isteri, anak-anak, dan masyarakat. Bagi isteri, penemuan bahawa suami mempunyai orientasi songsang lazimnya menimbulkan kekeliruan mendalam tentang kenyataan perkahwinan yang dibina selama ini. Bagi anak-anak yang membesar dalam persekitaran ini, terdapat potensi kesan terhadap perkembangan identiti dan kesihatan mental mereka. Di peringkat masyarakat, peningkatan fenomena ini tanpa respons yang tepat berpotensi menggugat keseimbangan akal masyarakat secara kolektif, bertentangan dengan prinsip hifz al-'aql yang digariskan oleh Al-Ghazali (1993) dan Ibnu 'Asyur (2001).

Hifz Al-Nasl (Memelihara Keturunan)

Tujuan utama perkahwinan dalam Islam ialah membina keluarga yang sihat dan melahirkan keturunan yang sah. Perkahwinan lavender menggugat tujuan ini dari beberapa sudut. Pertama, ketiadaan atau kekurangan hubungan intim yang hakiki merencatkan kemungkinan untuk mendapat zuriat. Kedua, jika isteri dijangkiti HIV atau sifilis akibat tingkah laku suami, ia mengancam kesihatan reproduktif wanita tersebut dan bayi yang bakal dilahirkan. Data

menunjukkan bahawa sifilis boleh menjangkiti bayi dengan kadar 69–80 peratus jika ibu tidak dirawat (KKM, 2021). Ketiga, hubungan homoseksual secara semula jadinya tidak berpotensi menghasilkan keturunan, bertentangan dengan fitrah dan objektif perkahwinan Islam yang digariskan dalam al-Quran (al-Rum: 21) dan diperkukuh melalui doktrin Maqasid Syariah (Al-Ghazali, 1993; Ibnu 'Asyur, 2001).

Hifz Al-Mal (Memelihara Harta)

Dimensi pemeliharaan harta turut terjejas dalam fenomena ini. Proses perceraian yang panjang dan kompleks di mahkamah syariah, terutama apabila suami menggunakan ugutan hak penjagaan anak (Zulkffli et al., 2022) menimbulkan beban kewangan yang besar kepada isteri. Kos rawatan HIV dan penyakit kelamin lain turut menambah bebanan ekonomi keluarga. Di samping itu, isteri yang menderita akibat perkahwinan ini sering kehilangan peluang kerjaya dan jaminan ekonomi jangka panjang apabila perkahwinan akhirnya runtuh. Jadual 2 memaparkan ringkasan analisa Maqasid Syariah terhadap fenomena perkahwinan lavender di Malaysia.

Jadual 2: Analisa Maqasid Syariah Terhadap Fenomena Perkahwinan Lavender Di Malaysia

Teras Maqasid Syariah	Bentuk Pelanggaran	Bukti Empirikal
<i>Hifz al-Din (Memelihara Agama)</i>	Penipuan dalam akad nikah; amalan liwat; merosakkan nilai agama keluarga	Laporan peguam syarie (Syuhada, 2025); kes di mahkamah syariah meningkat
<i>Hifz al-Nafs (Memelihara Jiwa)</i>	Jangkitan HIV & STD kepada isteri; trauma psikologi; ancaman jiwa ibu & bayi	64% HIV 2024 dari MSM; 33% kes heteroseksual (KKM, 2024)
<i>Hifz al-'Aql (Memelihara Akal)</i>	Kekeliruan kognitif isteri & anak; tekanan psikologi berpanjangan	Zulkffli et al. (2022); laporan Hidayah (2025)
<i>Hifz al-Nasl (Memelihara Keturunan)</i>	Hubungan tidak berisiko zuriat; ancaman kesihatan reproduktif isteri & bayi	Sifilis: risiko 69–80% ke bayi; HIV MTCT: 1.8% (KKM, 2021)
<i>Hifz al-Mal (Memelihara Harta)</i>	Beban kewangan perundangan & rawatan; kehilangan jaminan ekonomi isteri	60,457 kes perceraian (2024); kos rawatan HIV kronik tinggi (DOSM, 2024)

Sumber. Analisis kajian berdasarkan kerangka Al-Ghazali (1993) dan Ibnu 'Asyur (2001).

Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan dikemukakan untuk menangani fenomena perkahwinan lavender dalam konteks Malaysia.

Intervensi Perundangan

Undang-undang keluarga Islam perlu diperkukuh untuk memperjelaskan bahawa penyembunyian orientasi seksual oleh suami sebelum berkahwin merupakan asas yang sah untuk fasakh dan perceraian. Proses pembuktian perlu dipermudahkan bagi isteri, mengambil kira sensitiviti kes dan kesukaran mendapatkan bukti fizikal. Mahkamah syariah juga perlu dilengkapi dengan protokol khusus bagi mengendalikan kes-kes sebegini dengan lebih berkesan dan berpihak kepada kesejahteraan isteri.

Intervensi Kesihatan Awam

Program saringan HIV dan penyakit kelamin pra-perkahwinan perlu diperluaskan dan diwajibkan kepada semua pasangan bakal berkahwin. Kempen kesedaran perlu menyasar isteri tentang risiko STD daripada pasangan yang mempunyai tingkah laku berisiko. Program PrEP (Pre-Exposure Prophylaxis) yang sedia ada perlu diperluaskan akses kepada isteri yang berisiko tinggi, dan doktor klinik perlu dilatih untuk mengenal pasti dan membantu kes-kes sebegini dengan sensitif.

Intervensi Pendidikan Dan Sosial

Pendidikan pra-perkahwinan seperti Kursus Pra-Perkahwinan JAKIM perlu memasukkan modul tentang tanda-tanda amaran dalam perkahwinan, hak-hak wanita dalam perkahwinan Islam, dan kesedaran tentang risiko perkahwinan lavender. Platform sokongan yang sulit perlu disediakan bagi isteri yang terjebak dalam situasi ini, termasuk sokongan psikologi, kaunseling, dan bantuan undang-undang.

Penyelidikan Lanjut

Terdapat keperluan mendesak untuk kajian empirikal yang lebih mendalam dan berskala besar tentang fenomena ini di Malaysia, termasuk kajian kuantitatif tentang kadar kejadian dan kelazimannya, kajian kualitatif tentang pengalaman isteri, serta kajian hukum tentang mekanisme perlindungan dalam undang-undang keluarga Islam. Data-data ini penting untuk merangka dasar dan intervensi yang lebih berkesan.

Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan bahawa fenomena perkahwinan lavender di Malaysia, walaupun tidak direkodkan secara rasmi dalam statistik perceraian, merupakan realiti yang semakin membimbangkan berdasarkan bukti-bukti empirikal yang ada. Melalui analisis Maqasid Syariah, fenomena ini didapati merupakan pelanggaran serius terhadap kesemua lima teras pemeliharaan dalam syariat Islam – agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta – di mana isteri sebagai kelompok yang paling terancam.

Data kesihatan awam dengan jelas menunjukkan bahawa 64 peratus jangkitan HIV baharu pada 2024 berpunca dari hubungan homoseksual dan biseksual (KKM, 2024), manakala wanita mewakili 10 peratus daripada jumlah penghidap HIV, dengan sebahagian besar dijangkiti melalui suami mereka yang terlibat dalam tingkah laku berisiko secara sulit. Sifilis dan gonorrhea turut merupakan ancaman nyata dengan kadar peningkatan yang membimbangkan. Dalam menghadapi cabaran globalisasi, Malaysia memerlukan langkah pengawalan yang holistik, merangkumi penguatkuasaan undang-undang, intervensi kesihatan awam yang proaktif, pendidikan berasaskan nilai Islam, dan sokongan sosial yang berpaksikan empati dan keadilan. Hanya dengan pendekatan yang betul dan tepat, institusi keluarga Muslim di Malaysia dapat diperkukuh dan dipertahankan sebagai benteng tamadun yang sejati, selaras dengan matlamat nasional serta nilai-nilai peradaban Islam.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan.
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Najwa binti Abd Ghafar bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengkonsepan, metodologi, pengumpulan data, analisis, sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan keseluruhan manuskrip. Penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Abdul Hafiz, M. G, Narul Aida, S., Sheela B.S. & Raja Iskandar Shah, R.A. (2024). Prevalence, risk factors and treatment outcomes of syphilis among people living with human immunodeficiency virus at primary care clinics in Malaysia: A retrospective study. *Malaysian Family Physician*, 19, 13. <https://doi.org/10.51866/oa.471>
- Al-Ghazali, A. H. M. (1993). *Al-Mustasfa min 'ilm al-usul*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Anis, A. (2025, November 17). *Fenomena 'lavender marriage' semakin menular di Malaysia: Wanita jadi mangsa suami nafsu songsang tanpa sedar?* Sirap Limau. <https://siraplimau.com/fenomena-lavender-marriage-malaysia/>
- CodeBlue. (2023, Jun 30). *Youths below 21 comprised 22% of gonorrhoea cases in 2022 in Malaysia*. <https://codeblue.galencentre.org/2023/06/youths-below-21-comprised-22-of-gonorrhoea-cases-in-2022-in-malaysia/>
- Hanis Nabihah, H., Rohani, A. R., Fieza Falin, F., Mohd Fadhly, Y., & Annalisa, Y. (2018). Mixed-orientation marriages: An analysis on heterosexual wife legal redress in Malaysia. *International Journal of Asian Social Science*, 8(5), 241–255. <https://doi.org/10.18488/journal.1.2018.85.241.255>
- Hidayah, S. (2025, Februari 20). *Peningkatan HIV, isteri wajar ragu jika suami terlalu mesra dengan kenalan lelaki*. The Merdeka Times. <https://themerdekaitimes.com/news/2025/02/video-peningkatan-hiv-isteri-wajar-ragu-jika-suami-terlalu-mesra-dengan-kenalan-lelaki-doktor/>
- Ibnu 'Asyur, M. T. (2001). *Maqasid syari'ah al-Islamiyyah*. Dar an-Nafais.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Statistik perkahwinan dan perceraian Malaysia 2024*. DOSM.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). *Garis panduan pengukuhan program pencegahan jangkitan HIV dan sifilis dari ibu ke anak (Edisi Kedua)*. KKM.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2023). *Laporan tahunan HIV/AIDS 2023*. KKM.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2024). *Laporan Pemantauan AIDS Global 2024*. KKM.
- Mohd Hafiz, Y. (2023, May 3). *Dulu kongsi jarum suntikan, kini seks berisiko punca utama jangkitan HIV*. Berita USM Kampus Kesihatan. <https://news.kk.usm.my/aktiviti/berita/dulu-kongsi-jarum-suntikan-kini-seks-berisiko-punca-utama-jangkitan-hiv>
- Mohd Khuzairi, I. (2025, Mei 15). *Papan tanda larangan homoseksual bukan kebencian terhadap individu*. Malaysia Gazette. <https://malaysiagazette.com/2025/05/15/papan-tanda-larangan-homoseksual-bukan-kebencian-terhadap-individu/>
- Mohd Rafizey, D., Nur Hafizah, Y., & Azlina, A. (2023). The challenges bisexual husbands face in trying to keep their marriage together: A case study in Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(3), 269–278. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2003.23>
- Musa Awang. (n.d.). *Statistik perceraian dan HIV di Malaysia*. Blog Peguam Syarie Musa Awang. http://musaawang.blogspot.com/p/statistik_15.html
- Nadzirah, R. (2025, Mei 13). *Parah! Seks songsang lelaki sejenis makin meningkat, Malaysia apa nak jadi?* Sirap Limau. <https://siraplimau.com/seks-songsang-lelaki-sejenis-makin-meningkat>
- Syuhada Mzul. (2025, Disember 4). *Ada cara nak kenal suami gay, biseksual: Peguam syarie kongsi ciri-ciri berdasarkan pengalaman kendali kes*. mStar. <https://www.mstar.com.my/xpose/famili/2025/12/04/ada-cara-nak-kenal-suami-gay-biseksual-peguam-syarie-kongsi-ciri-ciri-berdasarkan-pengalaman-kendali-kes>

- Wartawan TMT. (2022, Ogos 24). *Homoseksual, biseksual faktor utama jangkitan HIV*. The Merdeka Times. <https://themerdekaitimes.com/news/2022/08/homoseksual-biseksual-faktor-utama-jangkitan-hiv-menteri-kesihatan/>
- Zaiton, A.M. (2025, Disember 9). *Impak lavender marriage: Pakar dedah risiko mental, reproduktif & ancaman HIV/STI pada pasangan muda* [Temu bual]. SinarPlus, Sinar Harian. <https://sinarplus.sinarharian.com.my/sihat-cantik/medik/impak-lavender-marriage-pakar-dedah-risiko-mental-reproduktif-ancaman-hivsti-pada-pasangan-muda>
- Zaman Khan, T. S. (n.d.). *Wanita dan HIV: Mangsa ketidakadilan sosial*. Majlis AIDS Malaysia.
- Zulkifli, M. A., Ab. Rashid, R., Kamarul Azlan, M. A., & Ismail, H. H. (2022). The interplay of infidelity, sexuality, and religiosity in the discourse of mixed-orientation marriages: A discursive psychological analysis. *Frontiers in Psychology*, 13, 784675. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.784675>